

# 30 kambing 'main air' terperangkap di beting

FOTO | Luqman Hakim Zubir

**K**UANTAN: Kambing tidak lagi takutkan air. Mungkin itu sesuai menggambarkan tindakan sekumpulan 30 haiwan peliharaan yang turun bermain air di beting pasir dekat kuala Kampung Cherok Paloh, Pekan, pagi semalam.

Namun, gelagat kumpulan kambing itu yang cuba 'berjinak' dengan air membawa padah apabila mereka terperangkap di beting pasir berkenaan selepas air laut tiba-tiba pasang.

Bagaimanapun, kumpulan kambing itu selamat sampai ke tebing selepas mengharungi air walaupun seekor tersasar dibawa arus, namun diselamatkan anggota Japa-

tan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang bergegas ke tempat kejadian.

Kejadian kambing bermain air yang dianggap pelik itu disaksikan sebuah keluarga dari Bukit Setongkol, di sini, yang singgah berehat di pantai berkenaan jam 9 pagi semalam.

Saksi kejadian, Moha Hazrul Hisham, 27, berkata ketika tiba di pantai berkenaan bersama 10 ahli keluarganya yang mengayuh basikal dari bandar ini ke Cherok Paloh, dia melihat kumpulan kambing itu datang dari arah Tanjung Selangor,

Pekan, melintasi air cetek sebelum menuju beting pasir

terletak 50 meter dari pantai.

Katanya, tiba-tiba air mula

pasang dan mereka yang me-



**BANTU...anggota JPAM menyelamatkan sekumpulan kambing yang terperangkap di beting pasir di Pantai Cherok Paloh, Pekan, semalam.**

lihat kejadian itu cemas kerana air laut sudah mengelilingi beting pasir itu tempat kumpulan kambing itu berada.

"Melihatkan air laut semakin dalam dan arus deras saya bimbang kambing itu lemas menyebabkan saya menghu-

bung JPAM," katanya.

Katanya, kumpulan kambing itu selamat ke pantai walaupun seekor daripada

nya pada mulanya hanyut dibawa arus dan sempat diselamatkan anggota JPAM dengan sebuah bot.